



BAB 4

PENGENALAN PASTIAN MASALAH

MOHD NAZRI BIN AWANG
SMK Kubang Kerian
Kota Bharu, Kelantan

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

- Menerangkan kaedah kajian yang boleh digunakan iaitu soal selidik, pemerhatian, rujukan media, temu bual dan pengalaman sendiri;
- Mengenal pasti latar belakang masalah yang hendak dilaksanakan;
- Melaksana kajian berdasarkan kaedah kajian yang dipilih;
- Menganalisis data dan maklumat yang diperolehi serta dipersembahkan dalam bentuk jadual dan graf; dan
- Merumus pernyataan masalah secara eksplisit berdasarkan dapatan analisis yang dilakukan.



Perhatikan situasi ini...

Bincangkan

Kenal pasti **MASALAH**
mereka...

APA

KENAPA

SIAPA

BILA

DI MANA

BAGAIMANA

Pengenalan Metodologi Kajian

Tatacara, kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi mencapai objektif dalam sesebuah kajian.

Mengenalpasti masalah adalah langkah pertama proses mereka cipta.

Masalah perlu difahami dengan mendalam.

Faktor pemilihan kaedah kajian:

- Kesesuaian situasi
- Latar belakang responden
- Jenis maklumat yang ingin diperolehi



Soal selidik

Langkah kerja

Menyediakan borang

Tentukan sampel dan bilangan

Edar dan kumpul semula borang

Menganalisis maklum balas

Merumus dan melapor dapatan

Kaedah kajian menggunakan set soalan bagi mendapatkan data atau maklumat daripada responden. Tujuan untuk memahami masalah dengan terperinci.



Soal selidik

Langkah kerja

Menyediakan borang

Tentukan sampel dan bilangan

Edar dan kumpul semula borang

Menganalisis maklum balas

Merumus dan melapor dapatan

- Soalan mudah dan tepat
- Bentuk soalan ya/tidak atau secara skala nombor

- Responden pelbagai latar belakang
- Lebih ramai, pelbagai latar belakang lebih banyak maklumat diperoleh

- Tetapkan tempoh masa
- Responden diberi kebebasan dan keselesaan untuk menjawab

- Borang yang dikumpul, dianalisis dan disintesis bagi mendapatkan maklumat yang akan dilaporkan

- Rumusan hasil dapatan bertepatan dengan pernyataan masalah bagi tujuan pelaporan



Pemerhatian

Melihat sendiri situasi sebenar yang berlaku pada subjek yang dikaji agar memahami permasalahan dengan lebih jelas dan terperinci.

Langkah kerja

Mengenal pasti lokasi, tempat dan masa untuk membuat pemerhatian

Mencatat maklumat berkaitan dan mengambil gambar atau video

Membuat rumusan laporan dapatan pemerhatian



Rujukan Media Cetak / Elektronik

Bahan Bercetak

Bibliografi

Bibliografi - senarai terbitan yang dirujuk tetapi tidak semestinya digunakan dalam menghasilkan penulisan kajian.

Rujukan - senarai terbitan yang dirujuk dan diguna pakai dalam menghasilkan penulisan kajian.

Buku

Pengarang. (Tahun). *Tajuk*. Tempat: Penerbit.

Majalah, akhbar

Pengarang. (Tarikh). *Tajuk*. *Nama Majalah*, muka surat.

Rujukan Media

Bukan Bahan Bercetak

Media

Nama (Jawatan). (Tahun). *Tajuk* [Jenis media]. Tempat : Syarikat Penerbitan.

Contoh

Rashid Haron (Penerbit). (2010). *Gasing Tradisional* [Video dokumentari]. Kuala Terengganu: Syarikat Nelang Records.

Temu Bual

Langkah Kerja

Interaksi atau perbualan untuk mendapatkan maklumat. Interaksi bersemuka antara penemu bual dan responden yang memberi ruang kepada responden untuk mengemukakan pendapatnya sendiri.

Mengenal pasti responden


Buat temu janji (tarikh, masa, lokasi)

Mengenal pasti dan menyediakan set soalan yang sesuai

Merekod butiran temu bual (secara rakaman suara, video atau bertulis)


Pengalaman sendiri atau orang lain

Pengalaman masing-masing adalah berbeza. Perlu buat perbandingan untuk mendapat maklumat yang jitu



PENYATAAN MASALAH

Penyataan masalah merupakan langkah pertama dalam proses mereka cipta. Ia membantu pereka cipta dalam menentukan fokus kajian dan seterusnya merangka langkah-langkah yang ingin dilaksanakan



PENYATAAN MASALAH

Empat perkara utama dalam pernyataan

- Jantina
- Usia
- Pekerjaan
- Keadaan fizikal
- Bangsa
- Budaya
- Agama

Latar Belakang Individu

- Tempat
- Masa
- Keadaan persekitaran

Situasi

- Kesihatan
- Keselamatan
- Membazir
- Sosial dan budaya
- Emosi dan mental

Kesan dan Akibat

- Sukar
- Susah
- Sakit
- Lambat
- Membazir

Kata Kunci

Contoh Penyataan Masalah

Ismail, **pelajar SMK Kubang Kerian kerap mengikuti aktiviti perkhemahan** bersama rakan-rakannya.

Biasanya mereka mengikuti aktiviti perkhemahan yang memakan masa selama tiga hari. Untuk mengikuti aktiviti tersebut, Mazlan perlu **membawa bekalan makanan dan pakaian** yang mencukupi. Semasa di lokasi perkhemahan, makanan dan pakaian yang dibawa sering **diselongkar dan diganggu oleh monyet**, terutamanya semasa beliau dan rakan-rakan mengikuti aktiviti perkhemahan. Situasi tersebut mendatangkan beberapa masalah, seperti:



Beg **koyak** digigit oleh monyet

Kesan/ Akibat:

Beg **tidak dapat digunakan** lagi untuk mengisi pakaian dan peralatan ,
mengakibatkan **sukar membawa pakaian dan peralatan** balik.

Makanan **dirosakkan** oleh monyet

Kesan/ Akibat:

Makanan yang dibawa habis **rosak dan tidak mencukupi** menyebabkan beliau **kelaparan**

Sisa makanan **berselerak** di tapak perkhemahan

Kesan/ Akibat:

Serangga dan binatang datang mendapatkan sisa makanan, menyebabkan **keselamatan terancam**

PERSEMBAHAN DATA ATAU MAKLUMAT

Segala data atau maklumat yang telah diperolehi hendaklah dipersembahkan dengan jelas.

Persembahan data atau maklumat boleh dibuat dalam bentuk:

- Jadual
- Senarai
- Carta
- Graf.

PERSEMBAHAN DATA ATAU MAKLUMAT

Contoh:

Soal selidik telah dilakukan ke atas 50 pengguna di sekitar pasar raya di Putrajaya. Kajian ini dijalankan bagi mengumpul data tentang masalah pengguna untuk memindahkan barang-barang yang dibeli dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Soal selidik ini diedarkan kepada responden dan dikutip semula seminggu kemudian.


Hasil kaji selidik yang dilakukan dapat diringkaskan seperti jadual di bawah:

Jadual Peratus Permasalahan dalam Pemindahan Barang

No.	Masalah yang dihadapi	YA		TIDAK		Jumlah
		Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	
1.	Menghadapi masalah	42	84	8	16	50
2.	Mengambil masa yang lama	34	81	8	19	42
3.	Mengalami kesakitan atau kecederaan	37	88	5	12	42

Contoh Jadual

PERSEMBAHAN DATA ATAU MAKLUMAT



**Contoh
Carta Bar**

Perhatian
Tajuk
Paksi
Petunjuk
Bar

HURAIAN DATA

Huraian data dan maklumat perlu tepat. Huraian ini boleh merangkumi perkara-perkara berikut:

- Perkaitan antara faktor**
- Peratusan dan pecahan data**
- Penunjuk ke arah keperluan menyelesaikan masalah**
- Perkaitan dapatan dengan masalah yang tersurat dan tersirat**

RUMUSAN KAJIAN

Rumusan kepada permasalahan kajian perlu dinyatakan dengan jelas, berdasarkan kajian yang telah dijalankan. Pelaksanaan kajian permasalahan perlulah membuktikan bahawa proses reka cipta yang akan dijalankan adalah signifikan dalam membantu memberikan penyelesaian dan penambahbaikan dalam kehidupan.

Contoh rumusan masalah

Berdasarkan analisis huraian data yang telah dibuat, didapati bahawa **sebilangan besar** pengguna **menghadapi masalah untuk** memindahkan barang dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

terima kasih